

ANGGOTA BOMBA CEDERA KETIKA OPERASI PADAM KEBAKARAN

Bomba patuhi SOP padam kebakaran

11/19
B/HARIAN
MS 17

Melaka: Anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat Jalan Kubu, di sini, mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan walaupun dua daripadanya cedera ketika menjalankan operasi memadam kebakaran di sebuah rumah di Taman Cheng Utama, malam kelmarin.

Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Datuk Mohammad Hamdan Wahid, berkata SOP dipatuhi itu berdasarkan prinsip menyelamatkan, pendedahan, penyekatan, pemadaman dan pemeriksaan (RECEO).

Lakukan dengan betul

“Dari segi SOP, mereka mematuhi prinsip. Pemadamam kebakaran juga dibuat dengan betul dan (ketika runtuhan) kebakaran sudah padam.

“Kebanyakan tugas memang pegawai akan mematuhi SOP ditetapkan supaya berada pada batas tatacara yang betul. Apa juga insiden ada pendedahan risiko ketika bekerja. Kita pun tidak tahu usia rumah itu berapa lama,” katanya pada sidang media di Balai Bomba dan Penyelamat Jalan Kubu, semalam.

Terdahulu, Mohammad Hamdan menziarahi dua pegawai bomba terbabit, Nurul Hashima Affandi, 25, dan Normikman Mamat, 39.

Nurul Hashima cedera di lutut dan mengalami tisu koyak, manakala rakannya, Normikman cedera di kepala dan belakang badan.

Mohammad Hamdan berkata, susulan kejadian itu, pihaknya akan menjalankan siasatan bagi mengenal pasti punca kebakaran dan runtuhan berkenaan.

“Ia bagi mengetahui keselamatan bangunan dan pasukan bomba memasuki bangunan apabila melakukan kerja memadam kebakaran,” katanya.



Kebanyakan tugas memang pegawai

akan mematuhi SOP ditetapkan supaya berada pada batas tatacara yang betul. Apa juga insiden ada pendedahan risiko ketika bekerja. Kita pun tidak tahu usia rumah itu berapa lama”

Mohammad Hamdan Wahid,
Ketua Pengarah Jabatan Bomba